

**CRITERIA AND APPROACH OF SHARIA-COMPLIANT INTERACTIVE DA'WAH THROUGH SOCIAL MEDIA**

**KRITERIA PENDEKATAN DAKWAH INTERAKTIF PATUH SYARIAH DI MEDIA SOSIAL**

Nor Diyanah Zafri <sup>i</sup>, Hajar Opir<sup>ii</sup> & Amiratul Munirah Yahaya<sup>iii</sup>

<sup>i</sup> (*Corresponding Author*). Pelajar PhD, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam. nordiyahzafri@gmail.com

<sup>ii</sup> Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam. hajar\_opir@uitm.edu.my

<sup>iii</sup> Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam. amiratul@uitm.edu.my

<b>Abstract</b>	<p><i>The rise of digital technology as well as the usage of social media have changed the paradigm of communication and provided 21st century people with a wide range of knowledge. Islamic knowledge has also been taught and spread particularly through social media. Nowadays, the effectiveness of a preacher (da'i) in implementing interactive da'wah should be emphasised in order to develop more civilised and ethical mankind. Moreover, excessive usage of social media without sharia-compliant da'wah could lead to misinterpretation, misunderstanding, extremism, skepticism and other negative consequences. Thus, the objective of the study to be conducted is to identify a concept of sharia-compliant and to identify criteria and approach of sharia-compliant interactive da'wah (two-way preaching) through social media. Accordingly, this study was conducted qualitatively using the literature review method and content analysis. Overall, the study's findings indicated that sharia-compliant interactive da'wah's criteria and approaches are compatible with comprehensive Islamic law and teachings of Islam in the context of digital da'wah.</i></p> <p>Keywords: <i>Interactive, Da'wah, Social, Media, Sharia-Compliant.</i></p>
<b>Abstrak</b>	<p><i>Perkembangan teknologi digital dan penggunaan media sosial telah mengubah paradigma komunikasi dan ledakan maklumat kepada manusia abad ke-21. Ilmu keagamaan turut disebarkan dalam skala besar dan mendapat sambutan yang menggalakkan melalui medium maya khasnya aplikasi media sosial. Oleh itu, keberkesanan dakwah interaktif oleh pendakwah masa kini wajar ditekankan bagi memastikan lebih ramai masyarakat yang berakhlak dan bertamadun. Tambahan pula kerancakan penggunaan media sosial sebagai medium dakwah tanpa patuh syariah boleh mengundang keraguan, kekeliruan, kesesatan dan fahaman ekstremisme. Objektif kajian adalah untuk mengenal pasti konsep patuh syariah dan mengkaji kriteria pendekatan dakwah interaktif patuh syariah di media sosial. Kajian ini berbentuk kualitatif dengan menggunakan kaedah kajian perpustakaan dan analisa kandungan. Hasil kajian berbentuk kriteria pendekatan dakwah interaktif yang mematuhi piawaian di media sosial yang</i></p>

	<i>lebih komprehensif berasaskan hukum dan ajaran Islam yang relevan dalam konteks dunia dakwah digital.</i>
--	--

	Kata kunci: <i>Dakwah, Interaktif, Media, Sosial, Patuh Syariah.</i>
--	--

## PENDAHULUAN

Pada abad ke-21 ini, semakin banyak munculnya kecanggihan teknologi yang seiring dengan era globalisasi ini. Misalnya, penggunaan media sosial melalui pelbagai gadget dan alat elektronik yang lain bukanlah suatu norma baharu malah ia dapat dijumpai hampir setiap rumah. Tambahan lagi, fasa pandemik dan endemik Covid-19 yang dihadapi di seluruh dunia telah menyebabkan platform media sosial sebagai alat menghubungkan sosial antara masyarakat secara maya (Rohaniza Idris, 2021). Namun begitu, isu penyampaian dakwah seperti penggunaan pendekatan dakwah yang salah melalui media sosial boleh memberi impak negatif terhadap keberkesanan dakwah tersebut.

Isu globalisasi dan hegemoni Barat juga telah memberi banyak impak negatif khususnya terhadap masyarakat Islam di seluruh dunia. Umat Islam saban hari kian cenderung untuk mengikuti cara pemikiran atau ideologi yang dibawa oleh Barat. Tambahan pula, alat-alat teknologi maklumat yang canggih rata-ratanya dimonopoli oleh Barat dan ia secara tidak langsung memasukkan elemen Barat dan mempengaruhi para pengguna tanpa mengira bangsa dan agama (Husni, 2015). Isi penyampaian dakwah yang mempunyai unsur-unsur Barat juga perlu dibincangkan supaya ia menepati kriteria patuh syariah dalam berdakwah secara interaktif melalui media sosial.

Menurut Kamus Dewan (2017), kriteria didefinisikan sebagai ukuran atau asas pertimbangan untuk menentukan nilai baik atau buruk sesuatu. Patuh pula bermaksud menurut perintah, taat dan tidak membantah. Seterusnya, syariah membawa maksud hukum Islam manakala dakwah bererti kegiatan menyeru dan meyakinkan orang lain supaya menerima sesuatu kepercayaan. Interaktif pula ditafsirkan sebagai saling bertindak, berhubung antara satu sama lain. Ciri interaktif ini juga dapat dilihat menerusi persembahan digital iaitu melalui media sosial. Media sosial pula digunakan sebagai saluran untuk berinteraksi, berkomunikasi, menyambung pelbagai idea dan berkongsi maklumat secara digital. Ia mempunyai sifat yang lebih interaktif berbanding media tradisional.

Bagi mendepani era revolusi industri 4.0, pendekatan dakwah perlulah seiring dengan tuntutan zaman agar ia tetap relevan. Platform dan aplikasi media sosial hendaklah digunakan secara optimum sebagai wahana dakwah yang efektif dan informatif. Dakwah interaktif merupakan medium informasi yang boleh diaplikasikan untuk tujuan menyampaikan mesej Islam kepada masyarakat khususnya golongan belia (Shaikh Mohd Saifuddeen, 2018). Contoh aplikasi media sosial yang popular pada era ini adalah Instagram, Facebook, TikTok, Blog, Twitter, Whatsapp dan Telegram.

Menurut Ahmad Adnin Roslan menerusi akhbar Berita Harian (2021), sesetengah golongan muda pada masa kini lebih cenderung mendengar dakwah yang ringkas dan kurang gemar disyarah secara panjang lebar. Selain itu, kualiti dan keaslian dari segi kandungan maklumat dan persembahan di dalam media sosial turut dititikberatkan agar ia dapat menjadikan pengisian dakwah tersebut lebih berkualiti dan menarik buat mereka.

Meskipun media sosial mempunyai banyak kelebihan besar dengan menjadikan dunia tanpa sempadan namun ia masih mempunyai elemen negatif dalam menyampaikan dakwah dengan betul. Masih terdapat sesetengah pihak yang memandang serong terhadap sesetengah aplikasi media sosial disebabkan oleh cara penyampaian dakwah yang kurang betul. Antaranya adalah kandungan maklumat agama melalui internet ini dilihat bebas tanpa tapisan, terlalu terbuka serta boleh dilakukan oleh sesiapa sahaja. Malah perbezaan latar belakang pendidikan agama yang minimum juga merupakan salah satu cabaran dalam menilai dan menentukan kesahihan sumber maklumat agama yang berintegriti (Noor Azaian et.al, 2017).

Selain itu, mereka juga memasukkan elemen-elemen yang tidak menepati kriteria patuh syariah dalam pengisian dakwah. Aplikasi TikTok, sebagai contoh, ia merupakan salah satu aplikasi yang mendapat sambutan baik serta memperkenalkan kepada pengguna untuk menghasilkan video pendek yang diiringi pelbagai genre muzik tetapi terdapat segelintir pengguna yang tidak mengikut syariah Islam. Misalnya, mereka tidak menutup aurat dengan baik, tidak menjaga pergaulan antara lelaki dan perempuan atau menari mengikut rentak muzik yang dimainkan oleh mereka, kemudian memuat naik video tersebut untuk tatapan umum (Yaqin Bakharudin, 2020). Selain daripada TikTok, aplikasi lain seperti Youtube, Instagram, Twitter, Facebook dan lain-lain juga tidak terkecuali dengan adanya percampuran elemen negatif sebegini dalam pengisian dakwah. Hal ini membimbangkan kita kerana lambat-laun ia boleh menjadi kebiasaan dan ramai akan mula berfikiran terbuka untuk meneruskan trend sebegini termasuklah ketika berdakwah.

Oleh itu, suatu pembinaan kriteria pendekatan dakwah interaktif menggunakan media sosial sebagai platform adalah amat wajar bagi memastikan mereka mendapat sumber maklumat agama yang berintegriti, sahih dan efektif. Pendekatan dakwah yang sedia ada perlu dibincangkan dengan telus agar pemilihan pendekatan dakwah interaktif melalui media sosial tersebut relevan, efektif serta mengikut syariah agama. Kriteria patuh syariah sangat signifikan untuk dibina bagi menjaga kemaslahatan agama, akal, keturunan, harta dan maruah dengan sempurna.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Secara umumnya, kajian ini melibatkan reka bentuk kajian yang berbentuk kualitatif. Kajian ini lebih sesuai menggunakan kajian kepustakaan bagi menganalisis kriteria pendekatan dakwah interaktif yang lebih komprehensif. Data dianalisis dengan menggunakan kaedah tematik melalui aplikasi Mendeley bagi memudahkan kajian diteruskan. Secara umumnya, data diperoleh daripada penulisan yang melibatkan dokumen, teks atau laporan termasuklah buku, buku elektronik, jurnal, tesis dan lain-lain. Seterusnya data-data tersebut dianalisis dengan menggunakan pendekatan analisa dokumen bagi memahami dan merungkai lebih mendalam mengenai kriteria pendekatan dakwah interaktif patuh syariah melalui media sosial untuk dijadikan ukuran atau panduan asas sesuai mengikut peredaran masa dan penerimaan pengguna media sosial abad ke-21.

## **DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

### **Konsep Dakwah Patuh Syariah Melalui Media Sosial**

Istilah patuh syariah dapat dikaitkan dengan Maqasid Syariah yang bermaksud apa yang diperintahkan dan diinginkan oleh Allah SWT kepada hamba-Nya yang tersembunyi daripada pengamalan hukum syarak. Pelaksanaan Maqasid Syariah ini mestilah tidak bercanggah dengan nas-nas yang *thabit* daripada sumber utama seperti al-Quran dan al-Sunnah (al-Yubiy, 1998). Apa yang dapat difahami daripada prinsip Maqasid Syariah ini, ia merupakan satu cabang ilmu yang mempunyai disiplin yang tersusun sebagai garis panduan hidup masyarakat Muslim dan hanya mereka yang pakar sahaja yang boleh mengistinbat hukum jika sesuatu perkara itu merupakan suatu perkara yang baharu seiring dengan perkembangan zaman.

Umumnya, setiap pendekatan yang diaplikasikan dalam media sosial oleh *da'i* perlulah berlandaskan teori *al-Daruriyyat* iaitu menjaga lima Maqasid Syariah iaitu agama, jiwa, akal, keturunan dan harta agar aktiviti dakwah yang disampaikan mempunyai elemen patuh syariah. Hal ini turut disokong oleh Muhammad Adnan Pitchan et. al (2018) bahawa media sosial merupakan medium yang perlu memperkenalkan menggunakan teori *al-Daruriyyat* dengan tertib iaitu menekankan kepentingan agama paling tinggi dan utama daripada kepentingan jiwa, kepentingan jiwa pula mestilah lebih utama daripada kepentingan akal, kepentingan akal mestilah lebih utama daripada kepentingan keturunan, manakala kepentingan keturunan pula lebih utama berbanding kepentingan harta. Teori sebegini perlu ditekankan dan disebarikan agar umat Islam dapat memahami

asas ajaran Islam di samping memurnikan diri dari aspek akidah, syariah dan akhlak masing-masing.

Pada dasarnya, dakwah patuh syariah menitikberatkan sumber yang sahih dan perlu menekankan beberapa pendekatan dakwah seperti yang dinyatakan dalam sumber utama Islam seperti al-Quran dan al-Sunnah. Antara tiga perkara utama yang penting untuk diimplementasikan dalam setiap dakwah adalah berdakwah dengan hikmah, nasihat yang baik dan berdialog dengan cara yang baik. Seperti yang dijelaskan oleh Allah SWT:

﴿ادْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحِكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ ۚ وَجَدِّهْم بِأَلَّتِي هِيَ أَحْسَنُ ۚ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ ۗ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ﴾

Maksudnya: “Serulah ke jalan Tuhanmu (Wahai Muhammad) dengan hikmah kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang Engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik; Sesungguhnya Tuhanmu Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalannya, dan Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk.” (al-Quran. al-Nahl:125).

Pendakwah memainkan peranan yang bijak dalam menggunakan pendekatan tersebut dalam berdakwah. Pendekatan berdakwah dengan hikmah (*bi al-hikmah*) perlu dilaksanakan dengan sewajarnya dan patuh syariah seperti menggunakan nada yang berlemah lembut, tutur kata yang baik, berhemah, ramah, sabar dan contoh yang baik. Erti dakwah dengan hikmah ini juga perlu berdakwah secara bijaksana dengan mengetahui tujuan, mengenal dengan lebih mendalam masyarakat yang menjadi sasarannya. Maka, *mad'u* akan mendapatkan manfaat daripada dakwah tersebut dan menerimanya serta mengikuti perilaku baik *da'i*. Begitu juga dengan pendekatan seterusnya iaitu nasihat yang baik (*bi al-mauzah al-hasanah*) seperti memberikan nasihat, pengajaran serta teladan yang positif. Sementara itu, pendekatan ketiga iaitu dakwah berdialog dengan cara baik (*mujadalah bi allati hiya ahsan*) mestilah bertukar pandangan sesama masyarakat tanpa menghina atau melukai perasaan mereka (Seri Ramizah & Anis Malik Thoha, 2021).

Berdasarkan seruan Allah SWT, ketiga-tiga pendekatan ini dalam berdakwah dianggap sebagai kerangka utama yang sesuai untuk diaplikasikan sepanjang zaman tanpa mengira masa dan tempat. Oleh itu, *da'i* perlu meletakkan pendekatan tersebut sebagai pendekatan utama dalam berdakwah di samping menambah lagi pendekatan lain bagi mencapai misi, sasaran dakwah serta mematuhi syariah Islam.

### **Kriteria Pendekatan Dakwah Interaktif Patuh Syariah Melalui Media Sosial**

Para *da'i* pada zaman kontemporari ini memainkan peranan yang besar bagi memastikan ajaran Islam yang disampaikan daripada sumber yang sahih, mengikut arus semasa, selari dengan persekitaran golongan sasaran serta memberi implikasi positif kepada *mad'u* sama ada dakwah secara bersemuka atau melalui media sosial. Oleh itu, kriteria pendekatan dakwah interaktif yang perlu dianalisis supaya ia sesuai, berkesan dan patuh syariah dalam meneruskan aktiviti dakwah dapat dilihat menerusi pendekatan interaktif, pendekatan seni suara dan muzik, pendekatan infografik dan pendekatan pengurusan sumber manusia.

#### **1. Pendekatan Interaktif**

Pada dasarnya, pendekatan utama untuk diimplementasikan dalam setiap dakwah adalah dengan hikmah, nasihat yang baik dan berdialog dengan cara yang baik. Ketiga-tiga pendekatan tersebut dianggap sebagai kerangka utama yang sesuai untuk diaplikasikan sepanjang zaman tanpa mengira masa dan tempat. Oleh itu, *da'i* perlu meletakkan pendekatan tersebut sebagai pendekatan penting dalam berdakwah di samping menambah lagi pendekatan lain yang sesuai dengan objektif dan sasaran dakwah serta patuh syariah. Salah satunya adalah pendekatan interaktif dalam berdakwah.

Semakin banyak jenis aplikasi yang dapat ditemui dalam media sosial dan rata-ratanya mempunyai pendekatan interaktif seperti memberikan pandangan, ideologi atau kritikan melalui ruangan komentar. Pendekatan seperti ini jelas memberi kesan yang baik sepanjang aktiviti dakwah. Hal ini turut disokong oleh Mohd Mokhtarishah dan Hasmadi (2021) bahawa pendakwah yang menggunakan platform media sosial perlu memperbanyakkan dakwah secara interaktif bagi menggalakkan orang ramai menuntut ilmu dengan penuh keyakinan. Selain itu, sebarang persoalan atau kemusykilan oleh *mad'u* dapat disampaikan secara terus dan ia meningkatkan pemahaman dan penghayatan mereka tentang ajaran Islam.

Bagi memastikan pendekatan interaktif ini digunakan dengan betul dalam berdakwah, maka kriteria-kriteria yang perlu ditekankan mengikut garisan ajaran Islam dapat dibincangkan dari aspek memberikan pandangan dan memberikan kritikan. Pertamanya, kriteria yang perlu digariskan ketika menyuarakan pandangan adalah perkara yang hendak disuarakan itu mestilah suatu kemungkaran yang zahir tanpa perlu mencari kesalahan dan mengaibkan mana-mana individu. Abdull Rahman et. al (2010) menjelaskan bahawa mengintip sehingga mencero bohi batas peribadi orang lain (*tajassus*) adalah dilarang dalam Islam. Firman Allah SWT:

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اجْتَنِبُوا كَثِيرًا مِّنَ الظَّنِّ إِنَّ بَعْضَ الظَّنِّ إِثْمٌ ۖ وَلَا تَجَسَّسُوا وَلَا يَغْتَب بَّعْضُكُم بَعْضًا ۚ ءُحِبُّ أَحَدُكُمْ أَن يَأْكُلَ لَحْمَ أَخِيهِ مَيْتًا فَكَرِهْتُمُوهُ ۚ وَاتَّقُوا اللَّهَ ۚ إِنَّ اللَّهَ تَوَّابٌ رَّحِيمٌ﴾

Maksudnya: "Wahai orang-orang yang beriman! Jauhilah kebanyakan dari sangkaan (supaya kamu tidak menyangka sangkaan yang dilarang) kerana sesungguhnya sebahagian dari sangkaan itu adalah dosa; dan janganlah kamu mengintip atau mencari-cari kesalahan dan ke'aiban orang..." (al-Quran. al-Hujurat: 12).

Jika pendakwah ingin memberikan pandangan berbentuk kritikan, mereka perlu memastikan kritikan tersebut membawa manfaat, perubahan yang positif dan bukannya berbentuk kutukan atau penghinaan yang boleh mencetuskan perbalahan sesama manusia. Ini berdasarkan hadith Rasulullah S.A.W:

{لَيْسَ الْمُؤْمِنُ بِالطَّعَّانِ وَلَا اللَّعَّانِ وَلَا الْفَاحِشِ وَلَا الْبَدِيءِ}

Maksudnya: Seorang Mukmin yang sempurna imannya bukanlah seorang pengutuk, pelaknat, pelaku perkara-perkara keji dan bukan juga seorang yang bercakap kotor. (Hadis. al-Tirmidhiyy. Bab Ma Ja'a fi al-La'ni wa al-Tha'ni. 1977).

## 2. Pendekatan Seni Suara dan Muzik

Ciri-ciri kesenian Islam mempunyai aspek keindahan, unsur moral, etika, yang mempunyai kaitan dengan agama dan Allah sebagai Pencipta alam. Menurut al-Qardhawi (2001), penghasilan seni yang Islamik perlu mempunyai manfaat kepada makhluk, membawa kepada pembangunan dan kemajuan peradaban serta tidak membawa kepada kerosakan dan kejahatan.

Dakwah interaktif juga memerlukan penambahbaikan agar seiring dengan perkembangan moden. Terdapat banyak aplikasi media sosial yang berkait dengan elemen kesenian termasuklah seni suara dan muzik dalam berdakwah secara interaktif. Ahmad Sahlan dan Mohd Nizam (2020) berpendapat bahawa kesenian suara dan muzik memainkan peranan besar sebagai alat penyampai atau media. Sebagai contoh berdakwah dengan menggunakan seni syair, puisi, khutbah, nasyid, lakonan, bait-bait lagu atau nasyid sesuai dengan golongan sasaran mampu menarik minat *mad'u* untuk memahami pengisian dakwah, menggerakkan akal serta mendorong hati mereka ke arah kebaikan dan kebajikan.

Antara kriteria yang perlu dititik beratkan supaya pendekatan kesenian dalam berdakwah menjadi lebih efektif dan mengikut cara yang dibenarkan Islam adalah memastikan suara dan muzik yang diaplikasikan ketika berdakwah melalui medium sosial

itu dibenarkan dalam Islam. Ulama berbeza pendapat dalam hukum suara dan muzik. Keseluruhannya, banyak hujah ulama yang membolehkan (*mubah*) nyanyian dan muzik ini berbanding melarang. Yusof al-Qardawiy (2006) telah menggariskan empat syarat dalam memastikan suara dan muzik dapat diimplementasikan secara patuh syariah. Syarat tersebut perlu dilihat dari aspek tema dan isi kandungan, penampilan dan gaya penyanyi, tidak melalaikan serta jauh daripada perkara haram dan maksiat.

Justeru, Islam membenarkan aktiviti pengisian dakwah interaktif mempunyai unsur suara, muzik atau nyanyian. Kini, telah banyak unsur sebegini dimasukkan dalam aktiviti dakwah. Sesetengah pendakwah mengiringi suara atau lagu yang membawa mesej nasihat dan menarik minat *mad'u* untuk mendalami ajaran Islam. Maka, harus berwaspada dalam pemilihan lirik lagu yang digunakan tidak membawa kepada unsur syirik, syahwat, memuja makhluk dan melalaikan. Penyanyi atau nyanyian dalam isi video dakwah pula tidak mempunyai penampilan yang mendedahkan aurat mana-mana pihak atau pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan. Penapisan sebegini penting untuk ditekankan supaya mendidik manusia kekal beretika, menjaga agama, ketenteraan awam dan sosiobudaya.

### 3. Pendekatan Infografik

Penggunaan infografik sudah menjadi suatu norma dalam dunia dakwah digital. Infografik berasal daripada dua perkataan bahasa Inggeris iaitu *information* (maklumat) dan *graphic* (grafik). Berdasarkan Kamus English Oxford, gabungan perkataan infografik memberi maksud gambaran persembahan tentang informasi atau data. Menurut Ozdamli & Omdal (2018), infografik dapat memaparkan maklumat atau data yang kompleks melalui satu bentuk visual yang menggabungkan unsur-unsur seperti bentuk, simbol, grafik, gambar, ilustrasi dan teks. Maklumat yang dipaparkan juga dapat dipersembahkan kepada pembaca dengan cepat agar dapat difahami dengan mudah. Selain itu, infografik juga mempunyai elemen seperti isi kandungannya yang terdiri daripada jumlah maklumat, susun atur dan warna yang menarik dan sesuai dengan keadaan berdasarkan prinsip reka bentuk berarahan (*Instructional Design Principles*).

Piotti dan Murphy (2019) menjelaskan penggunaan infografik dilihat semakin diminati pada masa kini berpunca daripada ciri-ciri persembahan teksnya yang begitu menarik, ringkas, mudah dibaca serta sifatnya yang bermaklumat (*informative*) dan memujuk (*persuasive*). Maka, pendekatan infografik ini amat sesuai untuk diaplikasikan menerusi dakwah interaktif di media sosial kerana ia dapat memberi perubahan sikap positif dalam diri, sikap membantu orang lain di samping menarik minat *mad'u* bagi mengikuti ajaran Islam secara kontemporari. Penggunaan infografik ini telah banyak diimplementasikan dalam media massa dan media sosial sama ada jenis infografik statis, infografik animasi dan banyak lagi.

Namun pendekatan infografik dalam pengisian dakwah interaktif juga menekankan kriteria tertentu bagi menghasilkan isi penyampaian dakwah lebih berkualiti dan patuh syariah. Selain daripada menjaga aurat dan ikhtilat antara lelaki dan perempuan, beberapa perkara lain perlu digariskan sepanjang menggunakan pendekatan ini. Pertamanya, penggunaan simbol atau gambar perlulah dikawal dengan cara mengelakkan daripada penggunaan sebagai hiasan melalui medium media sosial. Contohnya, patung berbentuk manusia atau haiwan sama ada lengkap atau tidak lengkap, objek yang diharamkan, objek yang melambangkan agama lain serta objek yang disanjung dan dipuja oleh golongan penyembah berhala (Yusof al-Qardawiy, 1980). Hal ini bagi menjauhi pengaruh buruk atau salah faham dalam kalangan masyarakat Islam.

### 4. Pendekatan Pengurusan Sumber Manusia

Burhanuddin Jalal et. al (2018) menyatakan bahawa peranan seorang *da'i* bukan sahaja perlu bertindak sebagai agen dakwah malah mereka juga merupakan seorang kaunselor yang menguasai ilmu psikologi, mendampingi masyarakat, jurubicara yang baik dan mempelbagaikan media untuk berdakwah, penyelesaian isu atau masalah, pengurus yang baik dalam merancang dan mengelola program dakwah. Selain itu, mereka secara tidak

langsung menjadi seorang usahawan yang dapat mencari dana kewangan bertujuan menjayakan kerja-kerja dakwah dengan efisien dan efektif.

Beberapa pendakwah masa kini yang bijak menggunakan pendekatan sebegini dengan menggunakan hasil keuntungan untuk membantu masyarakat yang memerlukan. Sebagai contoh, *da'i* popular dan berpengaruh seperti Ebit Lew yang menggunakan pendekatan pengurusan sumber manusia menerusi akaun beliau seperti TikTok, Youtube, Twitter dan sebagainya. Pendekatan dakwah interaktif sebegini dapat dilihat juga melalui setiap akaun media sosial beliau dengan berinteraksi sesama masyarakat berlainan latar belakang budaya sambil berdakwah dan membantu mereka hasil daripada keuntungan beliau menyampaikan dakwah (Nurul Adilah Hasbullah, 2020). Oleh itu, pendekatan dakwah interaktif seperti yang dibincangkan perlu diamalkan secara patuh syariah supaya mendapat hasil kualiti yang baik dalam hidup. Sepanjang menyampaikan dakwah, *da'i* perlu berhati-hati dari aspek penggunaan teks, infografik, muzik, medium, sumber ilmu dan sebagainya agar sumber pendapatan dakwah akan menjadi lebih berkat, mendapat redha Allah dan bermanfaat untuk segenap masyarakat.

## PENUTUP

Kriteria patuh syariah dalam melaksanakan pendekatan dakwah interaktif melalui media sosial boleh menjadi garis panduan kepada semua pendakwah tanpa menafikan kreativiti dalam berdakwah. Media sosial yang mempunyai pelbagai fungsi mampu memberi manfaat kepada pengguna termasuk unsur pendidikan dan ajaran agama. Sungguhpun *da'i* boleh menggunakan pelbagai pendekatan dakwah interaktif ketika berdakwah namun mereka harus meletakkan tiga pendekatan ini sebagai pendekatan dakwah interaktif yang utama dan patuh syariah seperti berdakwah dengan hikmah, nasihat dan pengajaran yang baik serta berbahas dengan cara yang baik seperti yang telah diajarkan dalam al-Quran. Antara saranan kepada pihak yang terlibat adalah pihak pendakwah perlu mengolah idea dengan lebih bebas dan kreatif berpandukan prinsip-prinsip atau kriteria-kriteria yang relevan serta menggunakan bahasa yang baik, sopan, positif dan tulen tanpa plagiat. Seterusnya, *da'i* dan *mad'u* perlu peka dan memahami hukum agama sebagai asas ilmu agama Islam yang boleh dijadikan panduan untuk mereka mendapatkan dan menyebarkan ajaran agama dengan betul. Selain daripada menggunakan pendekatan dakwah interaktif yang patuh syariah di media sosial, kerjasama secara interaktif daripada kedua-dua pihak ini dapat menghasilkan pengisian dakwah yang efektif serta menggalakkan mereka untuk lebih cenderung mempelajari Islam dan memperbaiki diri dari aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek.

## PENGHARGAAN

Dapatan ini adalah sebahagian daripada hasil penyelidikan geran iaitu Geran Insentif Penyelidikan (GIP) dari Universiti Teknologi MARA: yang bertajuk "Medium Dakwah Interaktif Berasaskan Media Sosial dalam Kalangan Belia" yang dianugerahkan oleh Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Ucapan penghargaan ditujukan kepada pihak KPM di atas penganugerahan geran ini sehingga membolehkan kajian diteruskan bagi mencapai objektif yang digariskan.

## RUJUKAN

### Buku

- al-Qardawiyy, Yusof. 1980. *al-Halal wa al-Haram fi al-Islam*. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- al-Qardawiyy, Yusof. 2001. *Seni Menurut Perspektif Islam*. Terj. Basri Ibrahim al-Azhari, Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa.
- al-Qardawiyy, Yusof. 2006. *Fiqh al-Lahwu wa al-Tarwih*. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- al-Quran. 2012. *Al-Wasim: al-Quran dan Terjemahan*. Penerbitan Cipta Bagus Segara.
- al-Yubiyy, Muhammad Saad bin Ahmad. 1998. *Maqasid Syariah wa Alaqatuha bi Al-Adillah Al-Syarie'yyah*. Riyadh: Dar Al-Hijrah.

### **Jurnal**

- Abdull Rahman Mahmood, Abdul Muhaimin Mahmood & Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim. 2010. Kebebasan bersuara dalam hukum dan fatwa: satu analisis. *Jurnal Penyelidikan Islam*. 23: 43-59.
- Ahmad Sahlan Abdul Hatim & Mohd Nizam Sahad. 2020. Pendekatan dakwah interaktif melalui kesenian. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari (JIMK)*. 20(3):134-148.
- Hajar Opir, Mohammed Yusof, Luqman Abdullah & Wan Yusnee Abdullah. 2017. Kriteria patuh syariah dalam filem berasaskan hukum fiqh: satu kajian awal. *Jurnal JCIS*. 3(10): 151-167.
- Mohd Mokhtarishah Mohamed Mokhtar & Hasmadi Hj. Hassan. 2021. Penggunaan media sosial sebagai media dakwah Islam dalam kalangan penduduk Kampung Berserah, Kuantan, Pahang. *International Journal of Humanities Technology and Civilization (IJHTC)*. 1(11): 90-107.
- Muhammad Adnan Pitchan, Siti Nur Husna Abd Rahman & Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim. 2018. Teori al-daruriyyat dan penggunaan media sosial: satu perbincangan konsep. *Jurnal Komunikasi (Malaysian Journal of Communication)*. 34(4): 75-92.
- Noor Azaian Abdul Talib, Mohd Yusof Abdullah & Mohd Azul Mohamad Salleh. 2017. Cabaran dakwah Islam di alam siber. *Journal of Social Sciences and Humanities*. 1: 1-10. Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan.
- Nurul Adilah Hasbullah. 2020. Peranan pemegang taruh dalam menjaga kebajikan ekonomi rakyat semasa pandemik covid-19 dari perspektif ekonomi Islam. *The Journal of Muamalat and Islamic Finance Research (JMIFR)*. 17(3): 71-89.
- Ozdamli, F., & Ozdal, H. 2018. Developing an Instructional Design for the Design of Infographics and the Evaluation of Infographic Usage in Teaching Based on Teacher and Student Opinions. *EURASIA Journal of Mathematics, Science and Technology Education*, 14(4), 1197-1219.
- Piotti, S. R., & Murphy, A. C. 2019. A Cognitive, Socio-semiotic, Linguistic, and Discursive Approach to Popularisation Strategies in Infographics. *LINGUE E LINGUAGGI*, 29, 291-314.
- Seri Ramizah Matussin & Anis Malik Thoha. 2021. Pendekatan dakwah dalam surah al-Nahl ke atas remaja bermasalah sosial di kompleks rumah kebajikan (KRR) Kampung Belimbing Subok, Negara Brunei Darussalam. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*. 32-40.

### **Tesis**

- Husni Muhammad Harun. 2015. *Pengaruh globalisasi terhadap masyarakat Islam mengikut pandangan Yusuf al-Qardawi*. Fakulti Ekologi Manusia. Universiti Putra Malaysia.

### **Laman Sesawang**

- Bukan sekadar hiburan, TikTok kini menjadi medan dakwah. <https://www.sinarharian.com.my/article/139049/BERITA/Nasional/Bukan-sekadar-hiburan-TikTok-kini-jadi-medan-dakwah> (diakses pada 4 November 2022).
- Dakwah Secara Digital Perlu Diperhebat. <https://www.bernama.com/bm/tintaminda/news.php?id=1984341> (diakses pada 4 November 2022).
- Dewan Bahasa dan Pustaka. 2017. <https://prpm.dbp.gov.my/> (diakses pada 4 November 2022).
- Jangan Hentikan Dakwah dalam Darurat, pandemik Covid-19. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/01/781331/jangan-hentikan-dakwah-dalam-darurat-pandemik-covid-19> (diakses pada 4 November 2022).



Perlunya pendakwah dalam media sosial.  
<https://www.ikim.gov.my/index.php/2018/06/25/perlunya-pendakwah-dalam-media-sosial/> (diakses pada 4 November 2022).  
Hukum Bermain TikTok. <https://muftiwp.gov.my/en/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-umum-cat/4380-irsyad-al-fatwa-siri-ke-472-hukum-bermain-tiktok> (diakses pada 4 November 2022).

**Penafian**

*Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.*